

## **SEKAPUR SIRIH (Buku Panduan Asas Kecemasan dan Keselamatan Awam)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Buku ini - seperti tajuknya – adalah panduan asas kecemasan dan keselamatan awam. Ianya berkaitan dengan persiapan menghadapi *bencana*. Dan menghadapi bencana itu berkehendakkan pengurusannya yang sistematik melibatkan semua agensi.

Kita mengalu-alukan penerbitan buku ini. Ia merupakan *manual* kepada orang awam dalam menghadapi bencana dan menilai risikonya.

Kita mempunyai undang-undang yang mengaturkan pengurusan bencana iaitu *Perintah Pengurusan Bencana, 2006*. Menurut *bencana* itu bermakna "*sesuatu gangguan serius dalam masyarakat, yang berpunca dari kesan sesuatu kejadian, yang menghendaki penyelarasan tindakan yang bermakna oleh Negara Brunei Darussalam untuk membantu masyarakat itu pulih dari gangguan tersebut*".

Dan maksud *gangguan serius* itu ialah: "*Kehilangan nyawa manusia, atau penyakit atau kecederaan kepada manusia; kehilangan atau kerosakan yang meluas atau teruk kepada harta benda; atau kerosakan yang meluas atau teruk kepada alam sekitar*".

Oleh yang demikian apabila terjadi bencana ianya mesti diurus dengan sistematik dan berkesan oleh semua agensi Kerajaan yang terbabit. Sementara itu orang awam yang tidak terjejas oleh bencana juga dijangkakan secara spontan akan tampil membantu dalam operasi menyelamatkan mangsa dan memulihkan keadaan. Dalam kedua-dua senario itu perlu ada penyelarasan antara semua agensi dan dengan orang awam. Kerana itulah adalah mustahak penyebaran maklumat mengenai pengurusan bencana serta kesedaran mengenai persiapan menghadapinya secara berkesan.

Maka kandungan buku ini sangat penting dimasyarakatkan.

Demikianlah adanya.

*- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman.  
(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri).*